Sumbangan Pak Lah kepada IPT sentiasa dikenang

BERNAMA



ABDULLAH Ahmad Badawi. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Jasa dan sumbangan Perdana Menteri kelima Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di negara ini, akan sentiasa dikenang.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Seri Dr Noor Azuan Abu Osman berkata, Abdullah yang mesra dengan panggilan Pak Lah, adalah alumni program Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam) pada tahun 1964, menjadi lambang kepimpinan berintegriti dan negarawan ulung yang amat disegani.

"Sepanjang hayatnya, Allahyarham mencurahkan khidmat bakti yang tidak ternilai dan membina legasi kepimpinan berwawasan yang memberi impak besar kepada pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat.

"Sebagai alumni UM, segala sumbangan, pencapaian beliau menjadi cerminan unggul nilai-nilai teras universiti iaitu kecemerlangan, kepimpinan dan tanggungjawab kepada masyarakat. UM amat berbangga kerana pernah menjadi sebahagian daripada perjalanan awal intelektual beliau," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Facebook turut merakamkan salam takziah kepada ahli keluarga Abdullah, dengan memaklumkan kampus barat iaitu kampus utama Unimas dirasmikan negarawan itu pada 18 April 2006.

"Beberapa inisiatif penting seperti penekanan terhadap Pembangunan Modal Insan dan Pengiktirafan Industri Halal dibangunkan dalam usaha beliau dalam memajukan Malaysia.

"Di bawah pimpinan beliau juga, Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (Score) juga dibangunkan bagi memacu ekonomi negeri dan seterusnya negara," menurut kenyataan itu.

Laman Facebook rasmi Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (Upsi), Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) masing-masing turut merakamkan dukacita atas pemergian negarawan yang disifatkan banyak berjasa membentuk dasar dan pentadbiran negara, berjiwa luhur, tenang dalam kepimpinan.

Sementara itu, laman Facebook Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memaklumkan akan melaksanakan solat jenazah ghaib bekas perdana menteri itu di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM selepas solat Zohor pada hari ini.

Disiarkan pada: April 15, 2025 @ 7:54am

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

© 2025 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H).
A part of Media Prima Group.